



UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN PELANCONGAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SESI
**2024/
2025**



ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN DEKAN	i
KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA).....	ii
VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI.....	1
LATAR BELAKANG UMT.....	2
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL.....	3
Maklumat Am.....	4
Kemudahan Makmal.....	5
Tugas dan Peranan Mentor	6
Peraturan Pakaian dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu	7
Polisi Universiti Malaysia Terengganu.....	8
BARISAN PENGURUSAN FAKULTI	10
Pengurusan Fakulti.....	10
Ketua Program Pengajian	11
PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN PELANCONGAN DENGAN KEPUJIAN.....	15
OBJEKTIF PROGRAM	15
PROSPEK KERJAYA	15
Syarat Kemasukan.....	16
Jumlah Kredit untuk Bergraduat	17
Kurikulum Program	17
Sinopsis Kursus	24

KATA ALU-ALUAN DEKAN



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi akademik 2024/2025 telah dapat disempurnakan. Buat masa ini Fakulti FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian, Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian, Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian dan Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian.

Fakulti amat mengalu-alukan kehadiran pelajar pada sesi akademik kali ini. Selamat datang dan tahniah kerana anda terpilih untuk menyambung pengajian di Universiti Malaysia Terengganu khususnya FPEPS. Kehidupan anda sebagai pelajar universiti telah bermula. Pelajar harus menghargai dan memanfaatkan peluang ini sebaik yang mungkin sepanjang 3 atau 4 tahun tempoh pengajian di UMT. Kami warga Fakulti akan sentiasa berusaha dan bersedia untuk membantu anda membina kejayaan sebagai pelajar yang cemerlang di UMT.

Fakulti sentiasa komited dalam usaha pembangunan pelajar dan penawaran program pengajian yang berkualiti dan berdaya saing. Di antaranya FPEPS telah menawarkan tiga program yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu program Sarjana Muda Perakaunan yang mendapat pengiktirafan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW dan CPA Australia, manakala program Sarjana Muda Kaunseling yang diiktiraf oleh badan profesional Lembaga Kaunselor Malaysia dan yang terkini Sarjana Muda Kewangan diiktiraf oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

Selain itu, majoriti tenaga pengajar Fakulti memegang kelulusan PhD dari pelbagai universiti di dalam dan luar negara. Fakulti juga telah berjaya melaksanakan kerjasama dengan universiti luar negara menerusi program *outbound* dan *inbound mobility* seperti dengan Universiti Dongguk (Korea Selatan); Prince of Songkla University (Thailand); Universitas Airlangga (Indonesia) dan banyak lagi. Pelajar turut berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti bertaraf antarabangsa, kebangsaan mahupun yang dianjurkan oleh kelab pelajar melalui NREC, MAR'C, HISAAC, PEKA, TOURMAC dan POSESO sepanjang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda seharusnya peka dengan keperluan, peraturan dan syarat-syarat akademik yang terpakai di UMT supaya perjalanan pengajian anda di UMT lancar dan dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. UMT mengamalkan mod PdP secara bersemuka dan interaktif bersama pelajar. Oleh demikian, pelajar hendaklah sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk dapatkan nasihat dan bimbingan sekiranya menghadapi kesulitan dalam pelbagai situasi.

Akhir kata, diharapkan anda semua dapat merancang pengajian akademik dengan teratur dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya kita tekun berusaha dan sentiasa bersedia menempuh cabaran yang mendatang. Semoga usaha dan ikhtiar yang dilakukan ini akan sentiasa membawa hasil dan seterusnya memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Diharapkan agar pelajar dapat menggunakan sepenuhnya Buku Panduan ini sepanjang anda bergelar mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang pengajian masing-masing.

Selamat Maju Jaya. Terima kasih.

Profesor Dr. Suriyani binti Muhamad

Dekan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER 1: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
1 – 5/10/2024	PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU DAN MINGGU JALINAN MESRA	
MINGGU 1-4 6/10/2024 – 2/11/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	Hari Deepavali 31/10/2024 (Khamis)
MINGGU 5-7 3 – 23/11/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
24 – 30/11/2024	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
MINGGU 8 1 – 7/12/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 9 8 – 14/12/2024	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 15/12/2024 – 11/1/2025	KULIAH	Hari Krismas 25/12/2024 (Rabu)
MINGGU 14 12 – 18/1/2025	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
19/1/2025 – 1/2/2025	MINGGU ULANG KAJI	Israj Mikraj 27/1/2025 (Isnin) Tahun Baru Cina 29 & 30/1/2025 (Rabu & Khamis)
MINGGU 15-16 2/2/2025 – 15/2/2025	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
16/2/2025 – 15/3/2025	CUTI ANTARA SEMESTER	Hari Ulang tahun Pertubuhan Kebawah DYMM Sultan Terengganu 4/3/2025 (Selasa)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari facebook rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-3 16/3/2025 – 5/4/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian *(Kuliah pdp secara hibrid dari Minggu 1 – Minggu 3) 	Nuzul Al-Quran 17/3/2025 (Isnin) Hari Raya Aidilfitri 31/3/2025 – 1/4/2025 (Isnin-Selasa)
MINGGU 4 6 – 12/4/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian *(Kuliah pdp secara bersemuka mulai minggu 4 dan seterusnya) 	
MINGGU 5-7 13/4/2025 – 3/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Keputeraan Sultan Terengganu 26/4/2025 (Sabtu) Hari Keputeraan Sultan Terengganu (Kelepasan Am Negeri Terengganu 27/4/2025 (Ahad) Hari Pekerja 1/5/2025 (Khamis)
4 – 10/5/2025	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
MINGGU 8 11 – 17/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Wesak 12/5/2025 (Isnin)
MINGGU 9 18 – 24/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Semakan dan Pengesahan Kursus 	
MINGGU 10-13 25/5/2025 – 21/6/2025	KULIAH	Hari Keputeraan YDP Agong 3/6/2025 (Selasa) Hari Arafah & Hari Raya Aidiladha 5 - 8/6/2025 (Khamis – Ahad)
MINGGU 14 22 – 28/6/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian 	Awal Muharram 27/6/2025 (Jumaat)
29/6/2025 – 5/7/2025	MINGGU ULANG KAJI	
MINGGU 15-17 6 – 26/7/2025	PEPERIKSAAN AKHIR <ul style="list-style-type: none"> - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian 	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari [facebook](https://www.facebook.com/AkademikUMT/) rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER PENDEK: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-2 27/7/2025 – 9/8/2025	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 3-4 10 – 23/8/2025	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 5 24 – 30/8/2025	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 6-7 31/8/2025 – 13/9/2025	KULIAH	Hari Kebangsaan 31/8/2025 (Ahad) Maulidur Rasul 5/9/2025 (Jumaat)
MINGGU 8 14 – 20/9/2025	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	Hari Malaysia 16/9/2025 (Selasa)
MINGGU 9 21 – 27/9/2025	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkuuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturkan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berdasarkan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muhamarram 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturkan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

PROGRAM	TEMPOH
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3 tahun
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3 tahun

PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KURSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



Maklumat Am

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED

Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	
65-69	B	3.00	Baik
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	Lemah
40-44	D	1.00	
39 atau kurang	F	0.00	Gagal


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67-4.00	Cemerlang	Distinction
2.00-3.66	Kepujian	Honours

Kemudahan Makmal



Makmal Komputer



Makmal Kaunseling

Tugas dan Peranan Mentor

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**

Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**

Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**

Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**

Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**

Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktunya pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**

Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**

Mentor sepatutnya cuba libatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti- aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengurus sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.

- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**

Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**

Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.

- **Merujuk Kepada Pakar**

Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kapakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Peraturan Pakaian dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu

PERATURAN AM

- Setiap pelajar dikehendaki memamerkan kad matrik sepanjang berada di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan ketidakharmonian di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memamerkan dalam apa-apa bentuk, unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan tatasusila atau mengandungi reka bentuk perkataan atau frasa yang tidak selari dengan nilai atau norma yang mulia.
- Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau di mana-mana tempat di dalam kampus yang mempunyai peraturannya yang tersendiri.



Contoh Penampilan Kad Matrik Pelajar

RAMBUT


- Pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi.
- Pelajar lelaki tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang dan berekor di hadapan atau di belakang. rambut hendaklah tidak mencecah kolar baju.
- Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah dilarang.
- Mewarnakan rambut adalah dilarang sama sekali



Contoh Penampilan Rambut Pelajar

Polisi Universiti Malaysia Terengganu

PAKAIAN SEMASA BERADA DI DALAM KAMPUS DAN SEMASA MENGHADIRI ACARA RASMI



Contoh Penampilan Pakaian Pelajar

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
 - Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkollar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
 - Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata. Pelajar adalah dilarang berpakaian sepertimana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-
-
- | | | |
|--------------------------------|------------------------|------------------------------|
| ✓ Berskirt di atas paras lutut | ✓ Berbaju tanpa lengan | ✓ Berseluar / berskirt ketat |
| ✓ Berbaju T tanpa kollar | ✓ Berseluar jeans | ✓ Berselipar |
| lengan | | |

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepas paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI

Pengurusan Fakulti



Dekan
Profesor Dr. Suriyani
Muhamad



Timbalan Dekan
(Akademik & HEP)
Profesor Madya Dr.
Azwadi Ali



Timbalan Dekan (Siswazah)
Profesor Madya Dr. Nik
Hazimah Nik Mat



Timbalan Dekan
(Bakat & Penyelidikan)
Profesor Madya Dr. Nazli Aziz



Penolong Pendaftar Kanan
Cik Wan Zawati Wan Jaafar



Penolong Pendaftar
Nur Nadia Amira Noley

KETUA PROGRAM PENGAJIAN



SARJANA MUDA KAUNSELING
DENGAN KEPUJIAN
DR. KAMARUL MD SHAH



SARJANA MUDA PERAKAUNAN
DENGAN KEPUJIAN
DR. WAN ZURIATI WAN ZAKARIA



SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN
KEPUJIAN
DR. AHMAD SHAUQI HJ MOHAMAD ZUBIR



SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN
PROFESOR MADYA DR. SITI
FALINDAH PADLEE



SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN
POLISI) DENGAN KEPUJIAN
PROFESOR MADYA DR. ROSYIDAH MUHAMAD



SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER
ALAM) DENGAN KEPUJIAN
DR. MUHAMMAD NAJIT SUKEMI



SM PENGURUSAN PELANCONGAN
DENGAN KEPUJIAN
DR. YUSNITA YUSOF

PRA-SISWAZAH



DR. NOOR FADHIHA MOKHTAR
SARJANA PENTADBIRAN
PERNIAGAAN



DR. SITI SALINA ABDULLAH
SARJANA KAUNSELING



DR. MOHD NASIR NAWAWI
SARJANA EKONOMI

PASCA- SISWAZAH



DR. ALEFF OMAR SHAH
SARJANA PENGURUSAN (ZON
PANTAI BERSEPADU)

SENARAI PENSYARAH



Dr. Yusnita Yusof
Ph.D. (UMT), M. Tourism Mgmt. (Griffith), BBA (Hons.) (UUM)
Bidang: Pemasaran Pelancongan
Pensyarah Kanan/Ketua Program
09-6684201/4280
yusnitayusof@umt.edu.my



Dr. Aleff Omar Shah Nordin
Ph.D. (USM), M. Mgmt. (ICZM) (UMT), B. Econ. (UMT)
Bidang: Pembangunan Pelancongan
Pensyarah Kanan / Pengerusi Bidang Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) | 09-6684807
aleff.shah@umt.edu.my



Dr. Fathilah Ismail
Ph.D. (Victoria), MBA (Cardiff), B. Econ. (Hons.) (Malaya)
Bidang: Pembangunan Pelancongan
Pensyarah Kanan/Penyelaras Alumni
09-6684423
fathilah@umt.edu.my



Dr. Noor Zatul Iffah Hussin
Ph.D. (Newcastle), M.Sc. Int. Marketing (East London), BBA (Mgmt.) (UTM)
Bidang: Pengurusan Pelancongan
Pensyarah Kanan/Penyelaras PITA
09-6684864
zatul.iffah@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Dr. Kalsitinoor Set
Ph.D. (Newcastle), MBA (UiTM), BBA Marketing (Hons.)
(UiTM), DBS (UiTM)
Bidang: Pengurusan Pelancongan
Pensyarah Kanan/Penyelaras Mobiliti
09-6683180
kalsitinoor@umt.edu.my



Dr. Zaleha Mohamad
Ph.D. (UMT), MBA (UTM), BBA (Hons.) (UUM)
Bidang: Pembangunan Pelancongan
Pensyarah Kanan/Penyelaras Latihan Industri
09-6684426
zaleha.m@umt.edu.my



Dr. N Alia Fahada W Ab Rahman
Ph.D. (Flinders), MBA (UiTM), BBA (Finance) (UiTM), DBS
(UiTM)
Bidang: Pemasaran Pelancongan
Pensyarah Kanan/Penyelaras Kualiti
09-6684818
n.alia@umt.edu.my



Dr. Mohd Rahimi Abdul Halim
DBA (UUM), M. Sc. Tourism Planning (UTM), BHM-T (Hons.)
(KUTPM), Dip. Tourism Mgmt. (UiTM)
Bidang: Perancangan Pelancongan
Pensyarah Kanan/Penyelaras Data
09-6684556
m.rahibi@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Dr. Munira Mhd Rashid
Ph.D. (Exeter), M.Sc. Planning Studies (USM), B. Mgmt (Hons) (USM)
Bidang: Pengurusan Pelancongan
Pensyarah Kanan/Penyelaras Siswazah
09-6684869
munira.rashid@umt.edu.my



Encik Shahriman Abdul Hamid
M. Sc. Tourism Planning (UTM), B.Sc. Tourism Mgmt. (Hons.) (UiTM),
Bidang: Perancangan Pelancongan
Pensyarah/Penasihat Kelab Tourmac & Penyelaras Risiko
09-6684552
shahriman.hamid@umt.edu.my



Encik Jassmin Johari
M.Sc Tourism Management (UiTM), B. Tourism Management (OUM), Dip. Sport Management (UiTM)
Bidang: Pengurusan Pelancongan
Pensyarah/Penyelaras Promosi
09-6683400
jassmin@umt.edu.my



Puan Nurul Najwa Napatah
M.Sc. Tourism Planning (UTM), B. Tourism Planning and Hospitality Management (UIAM)
Bidang: Perancangan Pelancongan dan Pengurusan Hospitaliti
Pensyarah
09-6683424 | najwanapatah@umt.edu.my

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN PELANCONGAN DENGAN KEPUJIAN

Program Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian (SMPPL dK) menawarkan tempoh pengajian selama 3 tahun yang merangkumi 5 semester biasa, 1 semester pendek dan 1 semester menjalani Latihan Industri. Pelajar mestilah menghabiskan sekurang-kurangnya 120 jam kredit mengikut skema pengajian yang telah disusun atur bagi memudahkan pelajar mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan bagi melayakkan pelajar dianugerahkan dengan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian. Program ini telah mendapat akreditasi penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program ini memfokuskan kepada pengurusan pelancongan di pulau dan pesisir pantai sejajar dengan bidang tujuan UMT dalam ilmu akuatik, maritim dan kelautan. Pelajar akan didedahkan mengenai prinsip pengurusan aktiviti pelancongan dan juga tingkah laku pelancong. Ini akan membantu mereka memahami bagaimana menguruskan destinasi pelancongan dengan cekap dan juga berinteraksi dengan pelancong dengan cara yang profesional.

OBJEKTIF PROGRAM

- Menyediakan tenaga kerja mahir dalam pengurusan pelancongan.
- Menghasilkan siswazah yang mempunyai karektor dan sikap diri yang positif.
- Menghasilkan siswazah yang mampu mengaplikasi prinsip-prinsip pengurusan di dalam aktiviti pelancongan dan kemahiran kerja yang boleh dipindahkan seperti komunikasi dan penyelesaian masalah.

PROSPEK KERJAYA

Siswazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian berpotensi menceburi pelbagai kerjaya dalam industri pelancongan antaranya menjadi pengurus pelancongan, pegawai operasi pelancongan, ejen pemasaran pelancongan, pengurus acara, pegawai khidmat pelanggan, pensyarah, pengaturcara pelancongan, pengurus eko-pelancongan dan pengurus pemasaran digital pelancongan. Kelayakan yang diperoleh dalam program ini tidak hanya akan memberi mereka asas yang kukuh dalam pengurusan pelancongan, tetapi juga akan melengkapi mereka dengan kemahiran dan pengetahuan mendalam yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dan peluang dalam sektor yang sentiasa berubah dan dinamik ini. Dengan pemahaman yang mendalam tentang strategi pemasaran pelancongan, analisis pasaran, pengurusan operasi, dan komunikasi dengan pelancong, siswazah akan berupaya untuk mencapai kejayaan dalam industri pelancongan yang mengujakan ini

Syarat Kemasukan

SYARAT KHAS PROGRAM

- a) Kelayakan Minimum Calon STPM/Matrikulasi/Asasi:
- i. Mendapat Gred B- (NGMP 2.67) dalam salah satu mata pelajaran berikut di peringkat STPM: Geografi, Ekonomi, Perakaunan atau Pengajian Perniagaan.
 - ii. Kepujian dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM atau Gred C (NGMP 2.00) dalam Matematik di peringkat STPM/Matrikulasi/Asasi.
 - iii. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM.
- b) Kelayakan Setaraf Matrikulasi atau diploma dalam bidang yang sesuai dari institusi yang diiktiraf.

ENTRY REQUIREMENTS FOR INTERNATIONAL STUDENTS

- a) General Requirements.
- a. Senior High School/Senior Secondary School/ Other Certificates from the government schools (with the period of at least 11 to 12 years of study from primary to higher secondary); or
 - b. GCE A' Level examination obtained at one sitting, or
 - c. Any other certificate that is recognized by the Senate of the University as equivalent to the above
- and
- b) Language Requirements.
- a. Pass the Test of English Language as a Foreign Language (TOEFL) at least 550, OR
 - b. Pass the International English Language Testing System (IELTS) at least 5.5, OR
 - c. Pass the Malaysian University English Test (MUET at least Band 3)
- * Applicants from the country where the official language is English Language must obtain at least credit in English Language Paper at higher secondary school level.
- and
- c) Programme's Specific Requirements.

Jumlah Kredit untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 120 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit/Program	
	UMT	Antarabangsa
Kursus Teras Universiti	14 (11%)	12 (10%)
Kursus Teras Program	18 (15%)	18 (15%)
Pengkhususan	60 (49%)	60 (49%)
Latihan Industri	12 (10%)	12(10%)
Kursus Elektif	16 (15%)	18 (16%)
JUMLAH	120 (100%)	120 (100%)

Kurikulum Program

Kursus Teras Universiti (14 atau 12 jam kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Program	
			UMT	Antarabangsa
COM3011	Santuni Komuniti	1	✓	
COM3112	Seni Komunikasi	2	✓	
	Ko-Kurikulum	2	✓	✓
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	✓	
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	✓	✓
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2	✓	
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2	✓	✓
BBB3023	Public Speaking	3		✓
MPU3143	Communicative Malay Language	3		✓
	JUMLAH		14	12

Kursus Teras Program

Kod	Nama Kursus	Kredit
ACT3013	Asas Perakaunan Perniagaan	3
ECO3003	Gayacara Pemikiran Ekonomi	3
MGM3033	Statistik Perniagaan dan Pengurusan	3
MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3
MGM3293	Sistem Maklumat Pengurusan	3
MGM3043	Gelagat Organisasi	3
	JUMLAH	18

Kursus Pengkhususan (60 Jam Kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit
TOU4113	Pengenalan Kepada Pelancongan	3
TOU4123	Pemasaran Pelancongan	3
TOU4133	Sistem Penempahan Berkomputer	3
TOU4143	Pengurusan Sumber Manusia dalam Pelancongan	3
TOU4153	Pemasaran Perkhidmatan Pelancongan	3
TOU4213	Gelagat Pelancong	3
TOU4223	Penyelidikan Pelancongan	3
TOU4233	Pengurusan Taman dan Rekreasi	3
TOU4243	Pelancongan Antarabangsa	3
TOU4253	Geografi Pelancongan	3
TOU4263	Pengurusan Operasi Perjalanan	3
TOU4273	Undang-undang Pelancongan dan Hospitaliti	3
TOU4313	Pelancongan Budaya dan Warisan	3
TOU4323	Pembangunan Produk Pelancongan	3
TOU4333	Pengurusan Mesyuarat, Insentif, Konferensi dan Pameran (MICE)	3
TOU4343	Perancangan dan Pembangunan Pelancongan Pulau dan Pesisir	3
BBB3013	Academic Writing Skills	3
BBB3103	English for Occupational Purposes	3
BBX3013	Bahasa Moden* I	3
BBX3023	Bahasa Moden II	3
	JUMLAH	60

***Kursus Pilihan Bahasa Moden (6 Jam Kredit)**

Bagi Kursus Bahasa Moden I & II, pelajar perlu memilih hanya satu jenis bahasa

Kod	Nama Kursus	Kredit
BBA3013	Bahasa Arab I	3
BBA3023	Bahasa Arab II	3
BBC3013	Bahasa Mandarin I	3
BBC3023	Bahasa Mandarin II	3
BBG3013	Bahasa German I	3
BBG3023	Bahasa German II	3
BBJ3013	Bahasa Jepun I	3
BBJ3023	Bahasa Jepun II	3
BBK3013	Bahasa Korea I	3
BBK3023	Bahasa Korea II	3
BBP3013	Bahasa Perancis I	3
BBP3023	Bahasa Perancis II	3
BBS3013	Bahasa Sepanyol I	3
BBS3023	Bahasa Sepanyol II	3

Latihan Industri (12 Jam Kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit
TOU49712	Latihan Industri	12
	JUMLAH	12

Kursus Elektif (16 atau 18 Jam Kredit)

Bagi pelajar tempatan, mereka perlu memenuhi 16 jam kredit manakala pelajar antarabangsa perlu memenuhi 18 jam kredit. Pelajar dibenarkan untuk mengambil kursus dari mana-mana pusat pengajian. Walau bagaimanapun, pelajar digalakkan untuk mengambil kursus-kursus berikut yang ditawarkan oleh program Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian seperti berikut:

Kod	Nama Kursus	Kredit
TOU4012-E	Elektif 1: Industri Pelancongan di Malaysia	2
TOU4022	Elektif 2: Pengangkutan Pelancongan	2
TOU4983	Elektif 3: Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3
TOU4032	Elektif 4: Pelancongan Rekreasi dan Outdoor	2
TOU4993	Elektif 5: Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3
TOU4042	Elektif 6: Pengurusan Front Office	2
TOU4052	Elektif 7: Pengenalan kepada Pengurusan Perkhidmatan Makanan	2
	JUMLAH	16

Pengecualian Kursus

Pelajar yang layak boleh memohon pengecualian bagi kursus dalam senarai di bawah:

Kod	Nama Kursus	Kredit
MPU3223	Asas Keusahawanan	3
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2
MGM3323-F	Falsafah Pengurusan	3
ACT3013	Asas Perakaunan Perniagaan	3
ECO3003	Gayacara Pemikiran Ekonomi	3
MGM3033	Statistik Perniagaan dan Pengurusan	3
MGM3293	Sistem Maklumat Pengurusan	3
MGM3043	Gelagat Organisasi	3

* Subjek yang ingin dipohon perlulah minimum Gred B+

* Isi kandungan subjek di IPT terdahulu mesti memenuhi syarat 80% persamaan dengan isi subjek yang ditawarkan di UMT (sila mohon silibus di IPT terdahulu dan semak dengan silibus di UMT)

OBJEKTIF PEMBELAJARAN PROGAM (PROGRAM EDUCATIONAL OBJECTIVES – PEO)

- PEO1: Menyediakan graduan terlatih untuk pasaran tenaga kerja dalam bidang Pelancongan dengan pengetahuan yang luas, kemahiran praktikal serta penguasaan kemahiran digital yang selari dengan kehendak industri;
- PEO2: Membentuk graduan yang berketerampilan dengan kemahiran komunikasi yang baik, kemahiran interpersonal untuk memimpin organisasi serta berkemampuan menjadi pemimpin organisasi pelancongan yang bertanggungjawab
- PEO3: Melahirkan graduan yang mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran kuantitatif untuk penyelesaian masalah dalam bidang pelancongan dengan mengamalkan nilai – nilai dan etika yang baik.
- PEO4: Melahirkan graduan yang bercirikan minda usahawan berteraskan pembelajaran sepanjang hayat untuk perkembangan kerjaya dan kendiri.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Pada akhir program, graduan akan dapat:

PLO1 – Pengetahuan & Kefahaman

Menghuraikan prinsip, konsep dan teori dalam bidang pengurusan pelancongan

PLO2 – Kemahiran Teknikal/Praktikal/Psikomotor

Mempamerkan kemahiran melaksanakan fungsi-fungsi pengurusan organisasi dan aktiviti-aktiviti pelancongan

PLO3 – Kemahiran Kognitif

Berkebolehan mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dalam pengurusan pelancongan

PLO4 – Kemahiran Komunikasi

Menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan yakin secara lisan dan bertulis.

PLO5 – Kemahiran Sosial, Kerja Berkumpulan Dan Tanggungjawab/*Interpersonal Skills*

Berupaya untuk bekerja secara individu dan berpasukan dalam organisasi.

PLO6 – Nilai, Etika, Moral Dan Profesionalisme

Mengamalkan nilai-nilai etika dalam fungsi-fungsi pengurusan bagi memenuhi tanggungjawab sosial, budaya dan persekitaran.

PLO7 – Pembelajaran Sepanjang Hayat Dan Pengurusan Maklumat

Mengenal pasti keperluan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi pembangunan kerjaya.

PLO8 – Kemahiran Pengurusan Dan Keusahawanan

Mengamalkan ciri-ciri keusahawanan untuk pembangunan kendiri.

PLO9 – Kepimpinan, Autonomi & Keber tanggungjawaban

Mempamerkan kemahiran kepimpinan yang berhemah dan dapat menyesuaikan diri untuk memikul tanggungjawab dalam organisasi dan komuniti.

PLO10 – Kemahiran Digital

Mengaplikasikan kemahiran digital di dalam bidang pelancongan dan memproses data berkaitan dengan subjek dalam industri pelancongan

PLO11- Kemahiran Numerasi

Mampu mengaplikasi teknik kuantitatif dalam menyelesaikan masalah.

BAHASA MODEN

Dalam usaha melahirkan mahasiswa yang holistik dan sesuai dengan keperluan pasaran kerja, Universiti Malaysia Terengganu menggalakkan pelajar-pelajar untuk menguasai kemahiran berkomunikasi dalam satu bahasa ketiga. Untuk tujuan tersebut, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) menawarkan pakej kursus bahasa moden berikut sebagai kursus elektif:

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	BBB3013	Bahasa Arab I (Arabic Language I)	3(3+0)
2.	BBB3023	Bahasa Arab II (Arabic Language II)	3(3+0)
3.	BBB3033	Bahasa Arab III (Arabic Language III)	3(3+0)
4.	BBJ3013	Bahasa Jepun I (Japanese Language I)	3(3+0)
5.	BBJ3023	Bahasa Jepun II (Japanese Language II)	3(3+0)
6.	BBJ3033	Bahasa Jepun III (Japanese Language III)	3(3+0)
7.	BBC3013	Bahasa Mandarin I (Mandarin Language I)	3(3+0)
8.	BBC3023	Bahasa Mandarin II (Mandarin Language II)	3(3+0)
9.	BBC3033	Bahasa Mandarin III (Mandarin Language III)	3(3+0)
10.	BBP3013	Bahasa Perancis I (French Language I)	3(3+0)
11.	BBP3023	Bahasa Perancis II (French Language II)	3(3+0)
12.	BBP3033	Bahasa Perancis III (French Language III)	3(3+0)
13.	BBS3013	Bahasa Sepanyol I (Spanish Language I)	3(3+0)
14.	BBS3023	Bahasa Sepanyol II (Spanish Language II)	3(3+0)
15.	BBS3033	Bahasa Sepanyol III (Spanish Language III)	3(3+0)
16.	BBK3013	Bahasa Korea I (Korean Language I)	3(3+0)
17.	BBK3023	Bahasa Korea II (Korean Language II)	3(3+0)
18.	BBK3033	Bahasa Korea III (Korean Language III)	3(3+0)
19.	BBJ3013	Bahasa Jerman I (German Language I)	3(3+0)
20.	BBJ3023	Bahasa Jerman II (German Language II)	3(3+0)
21.	BBJ3033	Bahasa Jerman III (German Language III)	3(3+0)

SKEMA TEMPATAN

KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)		MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (2+0)	
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)		MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)	
ECO3003	Gayacara Pemikiran Ekonomi	3 (3+0)		MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	
MGM3033	Statistik Perniagaan dan Pengurusan	3 (3+0)		BBX3013	Bahasa Moden 1	3 (3+0)	
MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3 (3+0)		MGM3043	Gelagat Organisasi	3 (3+0)	
TOU4113	Pengenalan kepada Pelancongan	3 (3+0)		TOU4123	Pemasaran Pelancongan	3 (3+0)	
	Ko-Kurikulum	2 (0+2)		MGM3293	Sistem Maklumat Pengurusan	3 (3+0)	
					Elektif 1	2	
JUMLAH		19		JUMLAH		20	
SEMESTER PENDEK							
TOU4133	Sistem Penempahan Berkomputer	3 (1+2)					
TOU4143	Pengurusan Sumber Manusia dalam Pelancongan	3 (3+0)					
TOU4153	Pemasaran Perkhidmatan Pelancongan	3 (3+0)					
JUMLAH		9					
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
BBX3023	Bahasa Moden II	3 (3+0)	BM I	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	
TOU4223	Penyelidikan Pelancongan	3 (3+0)		TOU4243	Pelancongan Antarabangsa	3 (3+0)	
TOU4233	Pengurusan Taman dan Rekreasi	3 (3+0)		TOU4253	Geografi Pelancongan	3 (3+0)	
ACT3013	Asas Perakaunan Perniagaan	3 (3+0)		TOU4263	Pengurusan Operasi Perjalanan	3 (3+0)	
TOU4213	Gelagat Pelancong	3 (3+0)		TOU4273	Undang - Undang Pelancongan dan Hospitaliti	3 (3+0)	
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)		TOU4983	PITA 1 / Elektif 3	3 (0+3) /	
	Elektif 2	2			Elektif 4	2	
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
TOU4313	Pelancongan Budaya dan Warisan	3 (3+0)		TOU49712	Latihan Industri	12 (0+12)	
TOU4323	Pembangunan Produk Pelancongan	3 (3+0)					
TOU4333	Pengurusan Mesyuarat, Insentif, Konferensi dan Pameran (MICE)	3 (3+0)					
TOU4343	Perancangan dan Pembangunan Pulau dan Pesisir	3 (3+0)					
TOU4993	PITA II / Elektif 5	3 (0+3)/					
	Elektif 6	2					
	Elektif 7	2					
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)					
JUMLAH		20		JUMLAH		12	
JUMLAH KREDIT KESELURUHAN							120

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

INTERNATIONAL SCHEME

CODE	COURSE	CREDIT HOURS	PRE-REQUISITE	CODE	COURSE	CREDIT HOURS	PRE-REQUISITE
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
MPU3143	Communicative Malay Language	3 (3+0)		MPU3352	Integrity and Anti-Corruption	2(2+0)	
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)		BBX3013	Modern Language 1	3 (3+0)	
ECO3003	Economic Way of Thinking	3 (3+0)		MGM3043	Organisation Behavior	3 (3+0)	
MGM3033	Business and Economic Statistics	3 (3+0)		TOU4123	Tourism Marketing	3 (3+0)	
MGM3102-E	Management Philosophy	3 (3+0)		MGM3293	Management Information System	3 (3+0)	
TOU4113	Introduction to Tourism	3 (3+0)		MPU3132	Appreciation of Ethics & Civilizations	2 (2+0)	
CCXXXX	Co-curriculum	2 (0+2)		BBB3023	Public Speaking	3 (3+0)	
					Elective 1	1	
TOTAL	20			TOTAL	20		
SHORT SEMESTER							
TOU4133	Computer Reservation System	3 (1+2)					
TOU4143	Human Resources Management in Tourism	3 (3+0)					
TOU4153	Tourism Services Marketing	3 (3+0)					
TOTAL	9						
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
BBX3023	Modern Language II	3 (3+0)	Modern Language I	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	
TOU4223	Tourism Research	3 (3+0)		TOU4243	International Tourism	3 (3+0)	
TOU4233	Recreational and Park Management	3 (3+0)		TOU4253	Tourism Geography	3 (3+0)	
ACT3013	Business Accounting	3 (3+0)		TOU4263	Travel Operation Management	3 (3+0)	
TOU4213	Tourism Behavior	3 (3+0)		TOU4273	Law of Tourism and Hospitality	3 (3+0)	
	Elective 2	2		TOU4983	Final Year Project 1 / Elective 3	3 (0+3) /	
					Elective 4	2	
TOTAL	20			TOTAL	20		
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
TOU4343	Island and Peripheral Tourism Planning	3(3+0)		TOU49712	Industrial Training	12 (0+12)	
TOU4313	Heritage and Cultural Tourism	3(3+0)					
TOU4323	Tourism Product Development	3(3+0)					
TOU4333	Meeting, Incentive, Conference and Exhibition (MICE) Management	3(3+0)					
TOU 4993	Final Year Project II / Elective 5	3(0+3) /					
	Elective 6	2					
	Elective 7	2					
TOTAL	19			TOTAL	12		
TOTAL CREDIT HOURS						120	

Note:

1. Students are required to undertake the **Survival and Water Safety Program** as a condition to graduate.
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the **number of elective credit hours** set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the **number** of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.

Sinopsis Kursus

TOU4113 Pengenalan Kepada Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pemahaman tentang aplikasi teori pengurusan pelancongan yang telah digunakan organisasi pelancongan, konsep pengurusan pelancongan dalam persekitaran perniagaan moden, gelagat dan keputusan memilih perkhidmatan oleh pengguna, keputusan dan strategi-strategi pelancongan seperti strategi perkhidmatan, dasar promosi pakej pelancongan, perancangan, pelaksanaan dan kawalan program pengurusan pelancongan. Menilai teknik-teknik utama untuk mengumpul maklumat yang menentukan objektif dan dasar korporat.

TOU4123 Pemasaran Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Pemasaran pelancongan merupakan kursus yang berteraskan pendekatan praktikal dan pengurusan dalam pemasaran mengikut perspektif industri pelancongan dan hospitaliti. Ianya mendedahkan para pelajar kepada elemen persekitaran dan strategi campuran pemasaran di dalam pembuatan keputusan untuk memastikan objektif dan sumber-sumber yang dimiliki oleh syarikat dioptimumkan selari dengan keperluan dan peluang yang ada di pasaran global.

TOU4213 Gelagat Pelancong

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini telah dirangka untuk memberi pemahaman memahami prinsip-prinsip utama kelakuan pelancong dan aplikasi dalam aktiviti operasi pelancongan, destinasi pelancongan, hospitaliti, tarikan pelawat, peruncitan perjalanan dan pengangkutan. Topik-topik merangkumi sejarah dan konsep kelakuan pelancong, pilihan destinasi dan produk pelancongan, proses pembuatan keputusan, penyelidikan pelancongan, pelancongan pakej, kelakuan pencarian maklumat pelancongan, pembentukan jangkaan pelancongan dan isu-isu semasa dalam industri pelancongan.

TOU4223 Penyelidikan Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada alat dan kaedah untuk menghasilkan penyelidikan yang baik. Ianya meliputi aplikasi kaedah untuk penyelidikan kuantitatif dan juga kualitatif. Di samping itu, kursus ini juga memberikan gambaran kepada pelajar tentang penyelidikan dalam industri pelancongan melalui contoh-contoh yang disediakan. Secara tidak langsung, ianya memberi inspirasi kepada para pelajar untuk membangunkan idea bagi melaksanakan projek penyelidikan yang berjaya mengikut kaedah yang betul.

TOU4233 Pengurusan Taman dan Rekreasi

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini telah dirangka untuk memberi kefahaman ke atas prosedur pengurusan dan pentadbiran yang perlu untuk mengoperasi dan menguruskan program rekreasi dan kemudahan taman. Peranan interpretasi persekitaran dalam pengurusan sumber taman dan rekreasi, masalah-masalah yang biasa dihadapi serta tren yang terkini di dalam pengurusan taman dan rekreasi.

TOU4243 Pelancongan Antarabangsa

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Pendedahan kepada pelajar mengenai pelbagai aspek pelancongan antarabangsa. Analisis yang sistematik ke atas faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi corak pengurusan pelancongan antarabangsa. Ia menekankan aspek pelancongan komuniti, impak pelancongan, pelancongan dan pengangkutan. Kursus ini juga menitikberatkan penyelarasan fungsi pelancongan antarabangsa dengan sumber-sumber asas negara.

TOU4343 Perancangan dan Pembangunan Pelancongan Pulau dan Pesisir

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan satu pendekatan kepada proses perancangan dan pembangunan pelancongan khususnya pulau dan pesisir yang komprehensif dan praktikal. Proses perancangan dan pembangunan tersebut perlu memenuhi keperluan para pelancong, komuniti tuan rumah, kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta. Isu-isu utama yang diliputi termasuk persekitaran fizikal, kapasiti, penyertaan komuniti dan kepelbagaian budaya. Kursus ini akan menjelaskan impak yang dijana oleh perancangan dan pembangunan industri pelancongan dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran.

TOU4313 Pelancongan Budaya dan Warisan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan berkaitan aspek-aspek pengurusan pelancongan budaya dan warisan. Topik-topik merangkumi pengenalan kepada konsep pelancongan budaya dan warisan, cabaran-cabarannya dalam usaha mengekalkan pelancongan budaya, gelagat pelancongan budaya, penilaian, pengauditan dan perancangan, strategi pemasaran budaya dan warisan serta isu-isu semasa dalam pengurusan aset budaya dan warisan.

TOU4153 Pemasaran Perkhidmatan Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep dan rangka kerja pemasaran perkhidmatan dalam industri pelancongan. Tumpuan kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar pelancongan kepada pelbagai perkhidmatan perniagaan dan isu-isu kontemporari yang mencabar dan perlu ditangani secara berbeza daripada isu-isu pemasaran tradisional. Isu-isu kontemporari tidak memberi tumpuan kepada isu-isu tempatan, tetapi juga kepada isu-isu antarabangsa pemasaran perkhidmatan. Di samping itu, kursus ini juga memberi tumpuan kepada pembangunan hubungan yang kukuh antara pelanggan melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti berdasarkan pengetahuan yang mantap untuk memastikan pelaksanaan strategi untuk mencapai perkhidmatan yang berdaya saing dalam kelebihan industri yang berdaya saing.

TOU4323 Pembangunan Produk Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas perancangan dalam pembangunan pelancongan dan menekankan teori-teori sistem pemasaran dalam pelancongan. Perbincangan akan merangkumi perletakan produk pelancongan, proses pembangunan pelancongan, prinsip asas dalam pelancongan serta strategi pembangunan pelancongan di peringkat mikro dan makro. Selain daripada itu, ia turut membincangkan tentang gelagat pengguna, imej dan kesan pelancongan, tren semasa serta halatuju bidang pelancongan.

TOU4333 Pengurusan Mesyuarat, Insentif, Konferens dan Pameran (MICE)

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar terhadap pelbagai aspek perancangan mesyuarat, insentif, konferens dan pameran untuk industri pelancongan. Kursus ini turut menekankan kepentingan merancang tempat, penajaan, pengajur, jenis pameran, majlis khas, makanan dan minuman, perancangan program dan seminar. Kursus ini juga menitikberatkan isu-isu perundangan, teknologi dan isu-isu antarabangsa industri pelancongan.

TOU4253 Geografi Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan hubungan di antara geografi yang merupakan ilmu berkaitan alam dengan konsep pelancongan. Kursus ini meliputi tentang definisi dan kepentingan geografi pelancongan, hubungan pelancongan dan geografi, sumber geografi dunia bagi pelancongan, motivasi perjalanan, pola umum pelancongan dunia, corak pelancongan berdasarkan kedudukan geografi serta pelancongan minat tertentu (special interest tourism). Geografi pelancongan menumpukan lebih pada penggunaan pengetahuan geografi untuk perjalanan.

TOU4263 Pengurusan Operasi Perjalanan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan peranan strategi pengurusan operasi perjalanan dan bagaimana ianya bertindakbalas dengan fungsi-fungsi dalam organisasi pelancongan. Kursus ini juga menekankan peranan, fungsi, masalah dan isu-isu seorang pengurus operasi pelancongan dan pengembaraan. Isu berkaitan perkhidmatan pelanggan dan teknologi turut dibincangkan dalam pengendalian operasi pelancongan dan pengembaraan

TOU4133 Sistem Penempahan Berkomputer

Jam Kredit : 3 (1+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan fungsi sistem tempahan tiket perjalanan yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan, hotel, sewa kereta dan insurans perjalanan. Kursus ini membolehkan pelajar untuk memahami fungsi, kepentingan dan penggunaan sistem GALILEO sebagai medium penempahan perjalanan atas talian yang digunakan dalam industri pelancongan. Di samping itu, kursus ini juga memberikan nilai tambah kepada pelajar untuk mempelajari teknik-teknik untuk membuat tempahan lengkap dan sekaligus meningkatkan peluang kerjaya pelajar dalam industri pengembaraan dan pelancongan.

TOU4143 Pengurusan Sumber Manusia dalam Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi penekanan kepada konsep pengantara-muka antara pengurus sumber manusia dan pengurus lain dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia seperti perancangan gunatenaga, pengambilan pekerja, pemilihan, latihan dan pembangunan, pemberian ganjaran, dan hubungan majikan-pekerja dalam industri pelancongan. Ia menumpukan kepada teknik serta kaedah meningkatkan keberkesanan organisasi pelancongan melalui amalan-amalan pengurusan sumber manusia yang betul.

TOU4273 Undang-Undang Pelancongan dan Hospitaliti

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Fokus utama adalah kepada semua prinsip undang-undang yang ada kaitan dengan penubuhan syarikat dan pengurusan pelancongan dan hospitaliti. Pendedahan mengenai asas undang-undang bagi setiap urusan perniagaan lazim dilakukan dari aspek tanggungganan dan haknya terhadap orang lain yang berurusan dengannya, perlindungan pengguna, pengurusan perniagaan dan perjalanan (travel) sektor hospitaliti.

TOU49712 Latihan Industri

Jam Kredit : 12 (0+12)

Prasyarat : Tiada

Kursus pelengkap untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman kerja. Tumpuan kepada perancangan dan aplikasi kemahiran pengurusan sesuai dengan bidang major yang dipilih. Latihan Industri akan dijalankan dalam organisasi di bawah penyeliaan pensyarah dan penyelia industri yang dilantik.

TOU4983 Projek Ilmiah Tahun Akhir I

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek-aspek penting dalam penyelidikan seperti perumusan masalah, hipotesis dan objektif kajian. Pengulasan karya dan kepentingan kajian serta sumbangan jangkaan hasil kajian kepada pengurusan.

TOU4993 Projek Ilmiah Tahun Akhir II

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : Tiada

Pelajar berpeluang menjalankan kajian lapangan yang berkaitan dalam bidang mereka. Penekanan akan diberikan terhadap kaedah penganalisaan data dan pembentangan penemuan kajian.

SINOPSIS PENAWARAN KURSUS ELEKTIF PROGRAM**TOU4012-E Elektif 1: Industri Pelancongan di Malaysia**

Jam Kredit : 2 (2+0)

Kursus ini direka untuk pelajar memahami senario industri pelancongan di Malaysia. Kursus ini menjelaskan struktur industri pelancongan di Malaysia dengan kerjasama dan perkongsian antara kerajaan dan sektor swasta.

TOU4022 Elektif 2: Pengangkutan Pelancongan

Jam Kredit : 2 (2+0)

Kursus ini bertujuan untuk memahami hubungan antara industri pengangkutan dan pelancongan. Kursus ini menerangkan kepentingan pengangkutan, kategori pengangkutan pelancongan dan cara pengangkutan dalam aktiviti pelancongan dan pengurusan destinasi dengan tumpuan kepada cara menguruskan beberapa interaksi ini dan implikasi yang lebih luas yang terhasil daripada proses seperti globalisasi.

TOU4032 Elektif 4: Pelancongan Rekreasi dan Outdoor

Jam Kredit : 2(2+0)

Reka bentuk kursus ini untuk memahami rekreasi berdasarkan daratan dan aktiviti rekreasi berasaskan air dengan industri pelancongan. Kursus ini menerangkan pengetahuan dan konsep aktiviti rekreasi dalam industri pelancongan. Kursus ini menekankan kepentingan untuk menilai risiko aktiviti dan mematuhi keperluan keselamatan.

TOU4042 Elektif 6: Pengurusan Front Office

Jam Kredit : 2 (2+0)


Untuk memahami peranan pengurusan kaunter hadapan dalam industri penginapan. Kursus ini termasuk proses tempahan, kaunter hadapan, perkhidmatan tetamu dan isu penempatan sumber manusia khusus untuk pengurusan operasi kaunter hadapan.

TOU4052 Elektif 7: Pengenalan kepada Pengurusan Perkhidmatan Makanan

Jam Kredit : 2 (2+0)

Kursus ini direka untuk pelajar memahami pengetahuan asas perkhidmatan makanan sebagai sebahagian daripada segmen perkhidmatan dalam industri pelancongan. Kursus ini menerangkan konsep asas, definisi dan operasi perkhidmatan makanan, organisasi perkhidmatan makanan, keselamatan makanan, fungsi fizikal dan organisasi perkhidmatan makanan.

HUBUNGI KAMI



**Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia**

-  **+609 668 4149**
-  fbesd@umt.edu.my
-  fbesd.umt.edu.my
-  www.facebook.com/OfficialFBESD